KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
28 November 2026

PNB MEMPERKASA CELIK KEWANGAN MENERUSI GERAKAN "KITA GENERASI LABUR" DI MSAM 2026

MSAM 2026 sasar 250,000 pengunjung di Stadium Merdeka menerusi kerjasama dengan Karnival Jom Heboh

KUALA LUMPUR, 28 November 2026: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2026 di Stadium Merdeka, Presint Merdeka 118, dengan membawa aspirasi untuk memperkasakan rakyat Malaysia melalui pendidikan kewangan serta membudayakan amalan menyimpan dan melabur menerusi gerakan "Kita Generasi Labur".

Majlis peluncuran disempurnakan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, mencerminkan kepentingan usaha memperluas literasi kewangan dan menggalakkan penyertaan masyarakat dalam membina masa depan kewangan yang lebih kukuh.

Berlangsung dari 27 hingga 29 November 2026, MSAM menyasarkan kehadiran 250,000 pengunjung menerusi kerjasama julung kali dengan Karnival Jom Heboh. Sebagai platform pendidikan kewangan utama PNB sejak lebih dua dekad lalu, MSAM terus memperluas capaiannya kepada pelbagai lapisan masyarakat, khususnya generasi muda dan keluarga. MSAM memberikan rakyat Malaysia akses kepada ilmu kewangan, panduan dan peluang pelaburan untuk merancang masa depan dengan lebih yakin.

Berucap pada majlis tersebut, Pengerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, pemilihan Presint Merdeka 118 sebagai lokasi MSAM 2026 amat bertepatan kerana lokasi bersejarah itu melambangkan pertemuan antara warisan negara dengan aspirasi masa hadapan.

"Stadium Merdeka mengingatkan kita tentang sejarah kemerdekaan negara, manakala Presint Merdeka 118 melambangkan aspirasi kita untuk membangunkan komuniti dan negara yang lebih gemilang."

"Inilah semangat di sebalik tema MSAM kali ini, 'Kita Generasi Labur', satu 'gerakan' yang menyeru rakyat Malaysia membudayakan amalan menyimpan dan melabur, merentasi generasi. Gerakan 'Kita Generasi Labur' adalah aspirasi kami untuk membina generasi yang celik kewangan dan berdaya tahan selaras dengan matlamat PNB mengukuh kedudukan kewangan rakyat merentas generasi," kata YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad.

Gerakan "Kita Generasi Labur" diperkukuh melalui tiga fokus utama, iaitu memupuk amalan pelaburan sejak usia muda menerusi ASNB Bijak, memperluas pendidikan kewangan dalam kalangan pelajar melalui Kelab Pelaburan Bijak PNB, serta

menggalakkan amalan pelaburan bertanggungjawab demi kesejahteraan kewangan jangka panjang.

Selaras dengan gerakan ini, PNB dan ASNB memperuntukkan lebih RM6.5 juta bagi memperkasa literasi kewangan dan pembangunan masyarakat. Daripada jumlah tersebut, RM5 juta disalurkan untuk meneruskan program Celik MADANI kepada lebih ramai pelajar di seluruh negara. Sebanyak RM1 juta pula diperuntukkan untuk memperkukuh inisiatif Kelab Pelaburan Bijak PNB yang melibatkan 500 sekolah di seluruh negara, manakala RM590,000 disalurkan bagi inisiatif ASNB Bijak yang menggalakkan ibu bapa memulakan pelaburan untuk anak-anak sejak usia muda.

Di bawah inisiatif ASNB Bijak, ASNB akan menambah RM5 unit percuma bagi setiap pelaburan RM100 yang dibuat ke dalam akaun ASNB Bijak baharu, tertakluk kepada 118,000 akaun pertama. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan ibu bapa memulakan pelaburan untuk anak-anak sejak usia muda agar mereka dapat memanfaatkan kuasa pengkompaunan. Melalui pengkompaunan, pulangan pelaburan dilaburkan semula untuk menjana pertumbuhan berterusan dari semasa ke semasa, membantu mencapai matlamat kehidupan penting serta membina asas kewangan jangka panjang yang lebih kukuh.

Bagi menjadikan pendidikan kewangan lebih mudah diakses, MSAM 2026 menghimpunkan PNB, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) serta syarikat-syarikat strategik seperti Maybank, Sime Darby, S P Setia dan Sime Darby Property. Pengunjung berpeluang mendapatkan maklumat dan panduan secara langsung mengenai simpanan, pelaburan serta perancangan kewangan melalui pelbagai pameran dan aktiviti interaktif.

Sepanjang tiga hari penganjuran, pengunjung boleh menyertai sesi perkongsian ilmu kewangan, kuiz pelaburan, permainan interaktif serta pelbagai aktiviti bersama syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

MSAM 2026 turut menawarkan hadiah cabutan bertuah harian bernilai hampir RM2 juta, termasuk sebuah rumah teres dua tingkat di Bandar Ainsdale, kereta, motosikal, pakej percutian, peralatan elektrik, serta pelbagai hadiah menarik lain.

Pengunjung juga berpeluang meneroka tarikan di sekitar Presint Merdeka 118, termasuk Muzium Tekstil Merdeka, *118 Mall* dan *The Look at 118.* Pelabur ASNB turut berpeluang menikmati pengalaman eksklusif di *The View at 118*, dek pemerhatian tertinggi di Asia Tenggara.

PNB dan ASNB merakamkan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, rakan-rakan strategik, peserta, pempamer serta seluruh warga kerja yang menjayakan MSAM 2026.

"Semoga MSAM terus menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih ramai rakyat Malaysia yang berilmu, berkeyakinan dan bersedia melangkah maju sebagai 'Kita Generasi Labur'," kata YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad.

MSAM 2026 berlangsung dari 27 hingga 29 November 2026 di Stadium Merdeka, Presint Merdeka 118, Kuala Lumpur. Masuk adalah percuma.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)
Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)
Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) lebih 300 bilion unit daripada lebih 17 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad